

NO SOALAN :45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
(LIMBANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 06.03.2018**

**Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [ LIMBANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengukuhkan nilai Ringgit Malaysia agar melepas paras di bawah RM3.80 berbanding USD.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada tahun 2017, ringgit telah menambah nilai sebanyak 10.4% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS). Pengukuhan ini adalah antara yang terbaik dalam kalangan negara serantau. Mata wang ringgit terus menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2018 dengan ringgit menambah nilai sebanyak 3.9% berbanding dengan

dolar AS (sehingga 27 Februari 2018). Perkembangan ini berpunca daripada kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia berikutan prestasi ekonomi negara yang menggalakkan.

2. Sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada penghujung tahun 2016. Berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan tersebut, kesan negatif daripada pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*) luar pesisir juga telah berkurangan dengan ketara. Kadar pertukaran ringgit di luar pesisir kini lebih menghampiri kadar pertukaran ringgit dalam negeri.
3. Selain daripada itu, volatiliti nilai ringgit juga telah menurun dengan ketara. Ini secara tidak langsung membantu perniagaan dalam membuat keputusan dan menguruskan aliran tunai dengan lebih baik. Aliran pertukaran asing antara eksport dengan import juga adalah lebih seimbang, sejajar dengan lebihan perdagangan dalam akaun semasa. Hasil eksport yang ditukarkan (*export conversion*) melebihi import sebanyak USD9.2 bilion (sehingga Disember 2017) sejak syarat penukaran hasil eksport dalam mata wang asing kepada ringgit diperkenalkan pada Disember 2016.

Tuan Yang Dipertua,

4. Pada bulan April dan November 2017, Kerajaan telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon dan menambah fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan terhadap kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan membantu untuk terus memperdalam pasaran pertukaran asing dalam negeri dan pasaran kewangan domestik, sekali gus meningkatkan permintaan aset kewangan dalam mata wang ringgit dan seterusnya mengukuhkan lagi kadar pertukaran ringgit.

5. Peningkatan nilai ringgit baru-baru ini mencerminkan pengukuhan asas-asas ekonomi negara. Bagi memastikan perkembangan positif ini berterusan, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkuatkan daya saing negara.